

26/09/2002

Ireland mahu tingkat pelaburan dengan Malaysia

IRELAND akan meningkatkan pelaburan dan perdagangannya dengan Malaysia dalam usahanya menerokai pasaran rantau Asia Pasifik.

Duta Ireland ke Malaysia, Daniel Mulhall, berkata Malaysia adalah landasan paling sesuai untuk negara itu menerokai pasaran yang lebih luas berikutan kedudukan negara ini yang strategik, selain amalan perniagaan dan sistem perbankan yang hampir sama dengan Ireland.

Beliau berkata, selain itu, keupayaan rakyat Malaysia berbahasa Inggeris memudahkan kerjasama di antara kedua-dua negara berkenaan.

Sehubungan itu, beliau berkata, lawatan Perdana Menteri Ireland, Mary McAleese, dari 29 September hingga 2 Oktober ini dijangka akan mempererat hubungan dua hala Malaysia-Ireland.

"Ketika ini, kedua-dua negara sememangnya sudah mempunyai hubungan yang baik, terutama dalam bidang ekonomi dan pendidikan.

"Jumlah perdagangan kedua-dua negara mencecah RM6.5 bilion tahun lalu berbanding hanya RM1.5 bilion kira-kira 10 tahun lalu yang mana daripada jumlah itu, RM4.2 bilion membabitkan eksport Ireland ke Malaysia dan selebihnya Malaysia ke Ireland.

"Kami berharap dengan lawatan McAleese yang disertai delegasi perdagangan ini akan meningkatkan jumlah perdagangan itu," katanya.

Bercakap kepada pemberita di Kedutaan Ireland di Kuala Lumpur, Mulhall berkata, hubungan baik kedua-dua negara itu juga membabitkan bidang pendidikan, terutama bidang perubatan.

Ketika ini, lebih 1,000 pelajar Malaysia mengikuti pengajian di Ireland terutama dalam bidang perubatan.

"Kami berharap dengan hubungan yang lebih baik, pelajar Ireland akan mengikuti pengajian di negara ini, khususnya mengenai Asia," katanya.

Mulhall berkata, McAleese dijadualkan mengunjungi Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail dan Permaisuri Agong, Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Selain itu, rombongan McAleese yang disertai delegasi perdagangan, kebudayaan dan media itu, akan turut mengadakan perbincangan dengan Dewan Perniagaan Kebangsaan dan cendekiawan Islam berhubung perkembangan dan pelaksanaan ajaran Islam di negara ini.

Beliau menjangkakan McAleese dan Dr Mahathir akan membincangkan pelbagai isu antarabangsa, termasuk isu keganasan.